

## **EMPLOYMENT PRIVACY NOTICE NOTIS PRIVASI PEKERJAAN**

Micron Technology, Inc. and its group companies (collectively “Micron”, “we”, “us” or “our”) are committed to conducting business with uncompromising integrity and professionalism, and this includes respecting your privacy and protecting your personal information.

Micron Technology, Inc. dan syarikat kumpulannya (secara kolektif "Micron", "kami", atau "kita") komited untuk menjalankan perniagaan dengan integriti dan profesionalisme tanpa kompromi, dan ini termasuk menghormati privasi anda dan melindungi maklumat peribadi anda.

In this Employment Privacy Notice (this “Notice”), we provide you with details about how we process your personal information during and after your work relationship with Micron - whether as a team member, contract worker, intern, trainee or apprentice. “Processing” means collecting, using, sharing, transferring and storing of your personal information.

Dalam Notis Privasi Pekerjaan ini ("Notis" ini), kami memberi anda perincian tentang bagaimana kami memproses maklumat peribadi anda semasa dan selepas hubungan kerja anda dengan Micron - sama ada sebagai ahli pasukan, pekerja kontrak, pekerja magang, pelatih atau perantis. "Memproses" bermaksud mengumpulkan, menggunakan, berkongsi, memindahkan dan menyimpan maklumat peribadi anda.

It is important that you read and retain this Notice, as well as any other communications, policies, documents, or postings from Micron regarding your privacy that we may provide when we are processing your personal information.

Penting untuk anda membaca dan menyimpan Notis ini serta komunikasi, dasar, dokumen atau siaran lain dari Micron mengenai privasi anda yang kami mungkin berikan semasa kami memproses maklumat peribadi anda.

We encourage you to contact us (see “How to Contact Us” below) if you have any questions or concerns. If you are working through an agency or contracting service, we encourage you to review that organization’s privacy policies and practices in addition to this Notice. This Notice normally would not apply to their processing of your personal information.

Kami menggalakkan anda untuk menghubungi kami (lihat "Cara Menghubungi Kami" di bawah) jika anda ada sebarang pertanyaan atau kebimbangan. Jika anda bekerja melalui agensi atau perkhidmatan kontrak, kami menggalakkan anda untuk menyemak dasar dan amalan privasi organisasi tersebut selain daripada Notis ini. Notis ini biasanya tidak terpakai untuk pemprosesan maklumat peribadi anda oleh mereka.

Last Updated: September 15, 2021

Terakhir Dikemas Kini: September 15, 2021

### **1. SCOPE OF THIS EMPLOYMENT PRIVACY NOTICE**

#### **1. SKOP NOTIS PRIVASI PEKERJAAN INI**

## EMPLOYMENT PRIVACY NOTICE NOTIS PRIVASI PEKERJAAN

This Notice applies globally to all team members, interns, trainees, apprentices, independent contractors and contract workers (collectively “Employees”) whose Personal Information (defined in section 3 below) we may process during and after their work relationship with Micron. Notis ini terpakai secara global bagi semua ahli pasukan, pekerja magang, pelatih, perantis, kontraktor bebas dan pekerja kontrak (secara kolektif "Pekerja") di mana Maklumat Peribadi mereka (ditakrifkan dalam bahagian 3 di bawah) yang kami mungkin proses semasa dan selepas hubungan kerja mereka dengan Micron.

This Notice describes how we process your Personal Information, whether collected by Micron or our agents, or provided by you, in connection with your work relationship with us.

Notis ini menerangkan cara kami memproses Maklumat Peribadi anda, sama ada dikumpulkan oleh Micron atau ejen kami, atau diberikan oleh anda, berkaitan dengan hubungan kerja anda dengan kami.

This Notice does not create or form part of any contract for employment, whether permanent or temporary, or any other contract to provide services to or receive services from Micron. When we use the terms ‘employment’, ‘employee’, or ‘team member’ throughout this Notice, we do so for simplicity and in no way is such use intended to imply the existence, where there is none, of an employment relationship between you and Micron.

Notis ini tidak mewujudkan atau membentuk sebahagian daripada kontrak pekerjaan, sama ada kekal atau sementara atau kontrak lain untuk menyediakan perkhidmatan atau menerima perkhidmatan dari Micron. Apabila kami menggunakan istilah 'pekerjaan', 'pekerja', atau 'ahli pasukan' sepanjang Notis ini, kami melakukannya untuk kemudahan dan penggunaan tersebut sama sekali tidak bertujuan untuk mengimplikasikan kewujudan, di mana tidak ada, hubungan pekerjaan antara anda dan Micron.

Please remember that our [Terms of Use](#), our Micron [Privacy Notice](#) and other policies and procedures, as applicable, may also govern your use of our products, networks, systems, applications, assets, services or websites.

Perlu diingat bahawa [Terma Penggunaan](#), Notis Privasi [Micron](#) kami dan dasar serta prosedur lain kami, sebagaimana yang berkenaan, juga boleh mengurus tadbir penggunaan produk, rangkaian, sistem, aplikasi, aset, perkhidmatan atau laman web kami.

### 2. YOUR RIGHTS AND PREFERENCES

#### 2. HAK DAN KEUTAMAAN ANDA

Privacy and data laws in different countries and regions around the world give individuals certain rights in relation to their Personal Information. We conduct our global employment privacy practices according to this Notice, our Applicant Privacy Notice and the relevant laws of the countries or regions in which we interact with you.

Undang-undang privasi dan data di negara dan wilayah yang berbeza di seluruh dunia memberikan individu hak tertentu berkaitan dengan Maklumat Peribadi mereka. Kami

## EMPLOYMENT PRIVACY NOTICE NOTIS PRIVASI PEKERJAAN

menjalankan amalan privasi pekerjaan kami berdasarkan Notis ini, Notis Privasi Pemohon kami dan undang-undang yang relevan dari negara atau wilayah di mana kami berinteraksi dengan anda.

### 3. INFORMATION WE COLLECT ABOUT YOU

### 3. MAKLUMAT YANG KAMI KUMPULKAN TENTANG ANDA

When used in this Notice, “Personal Information” means any information that identifies, relates to, describes, is reasonably capable of being associated with, or could reasonably be linked, directly or indirectly, with an individual (“data subject”), and includes “personal data” as defined in Article 4(1) of the European Union’s General Data Protection Regulation (the “GDPR”) and other applicable data protection laws. Data that cannot be associated with you, such as aggregated, de-identified or anonymized information (“Anonymous Information”), is not Personal Information.

Apabila digunakan dalam Notis ini, "Maklumat Peribadi" bermaksud setiap maklumat yang mengenal pasti, berhubung dengan, menerangkan, berupaya secara wajar boleh dihubungkan dengan atau dapat dihubungkan secara wajar, secara langsung atau tidak langsung, dengan seorang individu ("subjek data"), dan termasuk 'data peribadi' sebagaimana yang ditakrifkan dalam Artikel 4 (1) Peraturan Perlindungan Data Umum Kesatuan Eropah ("GDPR") dan undang-undang perlindungan data lain yang diguna pakai. Data yang tidak dapat dikaitkan dengan anda, seperti maklumat teragregat, maklumat yang tidak dikenal pasti atau tanpa nama ("Maklumat Tanpa Nama"), bukan merupakan Maklumat Peribadi.

We may process the following categories of Personal Information about you:

Kami boleh memproses kategori Maklumat Peribadi berikut tentang anda:

- **Personal Identifiers:**
- **Pengecam Peribadi:**
  - Personal contact details such as name, title, address, date and place of birth, employee ID, telephone number and email address.
  - Maklumat hubungan peribadi seperti nama, tajuk, alamat, tarikh, tempat dilahirkan, ID pekerja, nombor telefon dan alamat e-mel.
  - Bank account details, payroll records, and tax status information to verify and process payments.
  - Maklumat akaun bank, rekod pembayaran gaji, dan maklumat status cukai untuk mengesahkan dan memproses pembayaran.
  - Driver’s license number, passport number, nationality/visa status, or related information to verify your employment eligibility, provide travel arrangements or provide other services to you.
  - Nombor lesen pemandu, nombor pasport, status kewarganegaraan/visa atau maklumat yang berkaitan untuk mengesahkan kelayakan pekerjaan anda, menyediakan pengaturan perjalanan atau memberikan perkhidmatan lain kepada anda.

**EMPLOYMENT PRIVACY NOTICE**  
**NOTIS PRIVASI PEKERJAAN**

- Social Security number, national identification number, or other government-issued numbers for tax purposes.
- Nombor Keselamatan Sosial, nombor pengenalan nasional atau nombor lain yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk tujuan cukai.
- **Protected Classifications and Sensitive Personal Information:**
- **Klasifikasi Dilindungi dan Maklumat Peribadi Sensitif:**
  - Your marital status and dependents for tax and benefits administration purposes.
  - Status perkahwinan dan tanggungan anda untuk tujuan pentadbiran cukai dan manfaat.
  - Information about disability, your race, ethnicity, religion, veteran's status, or sexual orientation if you choose to provide on a strictly voluntary basis.
  - Maklumat mengenai kurang keupayaan, bangsa, keetnikan, agama, status veteran, atau orientasi seksual jika anda pilih untuk memberikan ia secara sukarela.
  - Information about your health, such as medical conditions and health and sickness records. This includes details of any absences (other than holidays) from work, including family leave and sick leave; information related to biological screenings or testing for controlled substances; information provided through health surveys and questionnaires, records related to administering and maintaining your healthcare and other benefits; and information about a condition needed for processing benefits when you leave Micron and the reason is related to your health.
  - Maklumat mengenai kesihatan anda, seperti keadaan perubatan dan rekod kesihatan dan penyakit. Ini termasuk butiran untuk sebarang ketidakhadiran (selain cuti) dari tempat kerja, termasuk cuti keluarga dan cuti sakit; maklumat yang berkaitan dengan penyaringan biologi atau ujian untuk bahan terkawal; maklumat yang diberikan melalui tinjauan kesihatan dan soal selidik, rekod yang berkaitan dengan pentadbiran dan penjagaan kesihatan anda dan manfaat lain; dan maklumat mengenai keadaan yang diperlukan untuk memproses manfaat apabila anda meninggalkan Micron dan alasannya berkaitan dengan kesihatan anda.
  - Background checks (for select Employees in certain countries).
  - Pemeriksaan latar belakang (untuk Pekerja terpilih di negara tertentu).
- **Biometric Information:**
- **Maklumat Biometrik:**
  - We may collect biometric information about you, such as fingerprints, retinal scans, facial scans, etc.
  - Kami mungkin mengumpulkan maklumat biometrik mengenai anda, seperti cap jari, imbasan retina, imbasan wajah, dll.
- **Internet or Other Electronic Network Activity Information:**
- **Maklumat Aktiviti Internet atau Rangkaian Elektronik Lain:**

## EMPLOYMENT PRIVACY NOTICE NOTIS PRIVASI PEKERJAAN

- We collect information about your use of Micron computers and networks, including your use of the internet and your email or other electronic communications when you are using company websites or systems, or company computers or other company-provided devices such as mobile phones or tablets.
  - Kami mengumpulkan maklumat mengenai penggunaan komputer dan rangkaian Micron oleh anda, termasuk penggunaan internet dan e-mel anda atau komunikasi elektronik lain semasa anda menggunakan laman web atau sistem syarikat atau komputer syarikat atau peranti lain yang disediakan oleh syarikat seperti telefon bimbit atau tablet.
  - The level of monitoring of your use of company equipment and systems may vary depending on your location, applicable law, the type of relationship you have with us, and the type of work that you perform for Micron. We monitor and may restrict access to our systems, even when using personal devices (e.g., we monitor and may restrict access to certain websites when you access our guest WIFI/network or systems).
  - Tahap pemantauan penggunaan alat dan sistem syarikat anda mungkin berbeza-beza bergantung pada lokasi anda, undang-undang yang diguna pakai, jenis hubungan yang anda miliki dengan kami dan jenis pekerjaan yang anda lakukan untuk Micron. Kami memantau dan mungkin menyekat akses kepada sistem kami, walaupun menggunakan peranti peribadi (cth., kami memantau dan mungkin menyekat akses kepada laman web tertentu ketika anda mengakses WIFI/rangkaian atau sistem pelawat kami).
  - Information collected through cookies and similar technologies when browse our website, subject to any consents or preference settings (see our Micron [Privacy Notice and Cookie Policy](#) for further information).
  - Maklumat yang dikumpulkan melalui kuki dan teknologi yang serupa semasa melayari laman web kami, tertakluk kepada sebarang persetujuan atau tetapan pilihan (lihat [Notis privasi dan Dasar Kuki](#) Micron kami untuk maklumat lanjut).
  - Information about how Micron protects its digital intellectual property, trade secrets, and our systems and equipment monitoring policies and procedures, is available at [micron.policytech.com](http://micron.policytech.com).
  - Maklumat lanjut mengenai cara Micron melindungi harta intelektual digitalnya, rahsia perdagangan dan dasar serta prosedur pemantauan sistem dan peralatan kami, boleh didapati di [micron.policytech.com](http://micron.policytech.com).
- **Location Data:**
  - **Data Lokasi:**
    - We may collect geolocation data about you where it is relevant to the fulfillment of your employment duties at Micron.
    - Kami mungkin mengumpulkan data geolokasi tentang anda di mana ia berkenaan dengan pemenuhan tugas pekerjaan anda di Micron.
    - We collect information regarding your access to and use of our facilities and systems (e.g. badges, login data, recordings, security devices).

**EMPLOYMENT PRIVACY NOTICE**  
**NOTIS PRIVASI PEKERJAAN**

- Kami mengumpulkan maklumat mengenai akses dan penggunaan kemudahan dan sistem kami (cth., lencana, data log masuk, rakaman, peranti keselamatan).
- We may collect data regarding your operation of company owned, issued or compensated devices (e.g. computers, mobile phones, motor vehicles).
- Kami mungkin mengumpulkan data mengenai operasi anda terhadap peranti yang dimiliki, dikeluarkan atau digantikan oleh syarikat (cth., komputer, telefon bimbit, kenderaan bermotor).
- **Audio, electronic, visual, thermal, olfactory, or similar information:**
- **Maklumat audio, elektronik, visual, termal, olfaktori atau yang serupa:**
  - We may collect photographs of you for identity verification. Your image may be recorded on building security cameras or through video conferencing if you come to one of our locations or engage in video conferencing with us.
  - Kami mungkin mengumpulkan gambar anda untuk pengesahan identiti. Gambar anda mungkin dirakam pada kamera keselamatan bangunan atau melalui persidangan video jika anda datang ke salah satu lokasi kami atau terlibat dalam persidangan video dengan kami.
  - Your telephone calls, online meetings or other communications over electronic channels and applications may be monitored or recorded when accessing company resources (e.g., IT services), interacting with customers or members of the public.
  - Panggilan telefon anda, mesyuarat dalam talian atau komunikasi lain melalui saluran elektronik dan aplikasi boleh dipantau atau direkodkan ketika mengakses sumber syarikat (contohnya, Perkhidmatan IT), berinteraksi dengan pelanggan atau orang ramai.
  - We do not routinely collect any of your thermal, olfactory or similar biometric information, but reserve the right to do so for site security or if health and safety concerns require us to do so.
  - Kami tidak mengumpulkan maklumat biometrik termal, olfaktori atau yang serupa anda secara rutin, tetapi berhak untuk melakukannya untuk keselamatan tapak atau jika masalah kesihatan dan keselamatan menghendaki kami melaksanakannya.
- **Professional or employment-related information:**
- **Maklumat berkaitan profesional atau pekerjaan:**
  - We collect information regarding your wages, salary, compensation, annual leave, retirement, work performance, disciplinary actions, grievances, and/or internal investigations.
  - Kami mengumpulkan maklumat mengenai ganjaran, gaji, pampasan, cuti tahunan, persaraan, prestasi kerja, tindakan disiplin, rungutan, dan/atau penyiasatan dalaman.
  - We may also collect information regarding job titles, salary history, work history, working hours, holidays, absences, training records, professional memberships, board memberships, and other professional activities or roles.

## **EMPLOYMENT PRIVACY NOTICE NOTIS PRIVASI PEKERJAAN**

- Kami juga dapat mengumpulkan maklumat mengenai jawatan, sejarah gaji, sejarah kerja, waktu kerja, cuti, ketidakhadiran, rekod latihan, keahlian profesional, keahlian lembaga dan aktiviti atau peranan profesional lain.
- We may collect information from publicly available social media or networking sites or applications, and from other electronic search services.
- Kami mungkin mengumpulkan maklumat dari laman sosial atau aplikasi rangkaian sosial yang tersedia secara awam dan daripada perkhidmatan carian elektronik yang lain.
- Your employment records include information you provided during the application process about the educational institutions you have attended or your level of education including educational records. We also collect and maintain information about any professional licenses you hold, certifications you receive, or additional education or training you undertake.
- Rekod pekerjaan anda termasuk maklumat yang anda berikan semasa proses permohonan mengenai institusi pendidikan yang pernah anda hadiri atau tahap pendidikan anda termasuk rekod pendidikan. Kami juga mengumpulkan dan menyimpan maklumat mengenai sebarang lesen profesional yang anda miliki, sijil yang anda terima atau pendidikan atau latihan tambahan anda telah terima.

### **4. HOW WE COLLECT YOUR PERSONAL INFORMATION**

#### **4. BAGAIMANA KAMI MENGUMPULKAN MAKLUMAT PERIBADI ANDA**

We may collect Personal Information about Employees through the application and recruitment process, directly from candidates, from employment agencies, from employers of contractors, through screening services, and/or background-check providers. We may collect additional information from third parties including former employers, credit reference agencies, publicly available websites such as LinkedIn, or other sources that supply employment or identity verification services.

Kami mungkin mengumpulkan Maklumat Peribadi mengenai Pekerja melalui proses permohonan dan perekrutan, secara langsung daripada calon, dari agensi pekerjaan, dari majikan kontraktor, melalui perkhidmatan penyaringan, dan/atau penyedia pemeriksaan latar belakang. Kami mungkin mengumpulkan maklumat tambahan daripada pihak ketiga termasuk bekas majikan, agensi rujukan kredit, laman web yang tersedia secara umum seperti LinkedIn atau sumber lain yang menyediakan perkhidmatan pengesahan pekerjaan atau identiti.

We may collect additional Personal Information in the course of job-related activities throughout the time period that you work with us or receive benefits from us. Such collection may occur by you directly providing us with your information or we may automatically collect information about you, such as through monitoring Micron computer and systems access and usage.

Kami mungkin mengumpulkan Maklumat Peribadi tambahan dalam aktiviti yang berkaitan dengan pekerjaan sepanjang tempoh masa anda bekerja dengan kami atau menerima manfaat daripada kami. Pengumpulan tersebut mungkin dilaksanakan oleh anda di mana anda

## EMPLOYMENT PRIVACY NOTICE NOTIS PRIVASI PEKERJAAN

memberikan maklumat anda secara langsung kepada kami atau kami mungkin mengumpulkan maklumat mengenai anda secara automatik seperti melalui pemantauan akses dan penggunaan komputer dan sistem Micron.

Individuals who are under the applicable legal age of employment in their geography should not supply any Personal Information to any Micron or affiliate website for the purposes of applying for, obtaining or maintaining a job, internship or apprenticeship/traineeship with Micron.

Para individu dengan umur kurang daripada usia kerja sah diguna pakai di lokasi mereka tidak boleh memberikan sebarang Maklumat Peribadi kepada mana-mana laman web Micron atau sekutu bagi tujuan memohon, mendapatkan atau mengekalkan pekerjaan, latihan amali atau perantisan/menjadi pelatih dengan Micron.

### 5. HOW WE USE YOUR PERSONAL INFORMATION

#### 5. BAGAIMANA KAMI MENGGUNAKAN MAKLUMAT PERIBADI ANDA

Unless we specifically disclose otherwise, you understand that we may use any of your collected Personal Information for any of the purposes described in this Notice (as permitted by applicable law), including:

Kecuali kami secara khusus mendedahkan sebaliknya, anda memahami bahawa kami mungkin menggunakan Maklumat Peribadi anda yang dikumpulkan untuk tujuan yang dijelaskan dalam Notis ini (seperti yang dibenarkan oleh undang-undang yang diguna pakai), termasuk:

- **Decisions related to employment:**
- **Keputusan yang berkaitan dengan pekerjaan:**
  - 'Professional or employment-related information' may be used for reviewing your performance; evaluating your development as an Employee; setting your job duties and assessing our staffing needs; assessing your qualifications for other roles within the company or promotions; determining salary and compensation; preparing for grievance or other disciplinary procedures, including termination; or
  - 'Maklumat profesional atau berkaitan pekerjaan' boleh digunakan untuk meninjau prestasi anda; menilai perkembangan anda sebagai seorang Pekerja; menetapkan tugas pekerjaan anda dan menilai keperluan kakitangan kami; menilai kelayakan anda untuk peranan lain dalam syarikat atau kenaikan pangkat; menentukan gaji dan pampasan; bersedia untuk rungutan atau prosedur disiplin lain, termasuk pemberhentian; atau
  - dealing with legal disputes involving you or other Employees, including accidents at work.
  - menangani pertikaian undang-undang yang melibatkan anda atau Pekerja lain, termasuk kemalangan di tempat kerja.
- **Business Purposes:**
- **Tujuan Perniagaan:**
  - conducting data analytics studies to review and better understand employee demographics, performance, retention, and attrition rates;



**EMPLOYMENT PRIVACY NOTICE**  
**NOTIS PRIVASI PEKERJAAN**

- menjalankan kajian analisis data untuk mengkaji dan memahami demografi pekerja, prestasi, pengekalan dan kadar keciciran pekerja dengan lebih baik;
- ascertaining and fulfilling education, training, and development requirements and opportunities; or
- memastikan dan memenuhi keperluan dan peluang pendidikan, latihan dan pembangunan; atau
- ensuring the effective operation of our facilities, resources and systems, and enabling authorized access to these facilities, resources and systems by Employees.
- memastikan operasi kemudahan, sumber dan sistem kami yang berkesan dan membolehkan pengaksesan yang dibenarkan ke kemudahan, sumber dan sistem ini oleh Kakitangan.
- **Administering payments and benefits:**
- **Mengendalikan pembayaran dan manfaat:**
  - making tax and other required deductions;
  - melaksanakan potongan cukai dan lain-lain yang diperlukan;
  - making decisions about salary and compensation; and
  - membuat keputusan untuk gaji dan pampasan; dan
  - coordinating the provision of benefits.
  - menyelaraskan peruntukan faedah.
- **Security measures and complying with health and safety obligations:**
- **Langkah keselamatan dan mematuhi tanggungjawab kesihatan dan keselamatan:**
  - ensuring the physical safety of, and lack of threats to, our facilities, resources, Employees and other people interacting with Micron;
  - memastikan keselamatan fizikal dan kekurangan ancaman terhadap kemudahan, sumber, Kakitangan, dan orang lain yang berinteraksi dengan Micron;
  - preventing fraud and securing our systems, data, resources, and facilities from unauthorized access or exploitation;
  - mencegah penipuan dan melindungi sistem, data, sumber dan kemudahan kami daripada akses atau eksploitasi yang tidak dibenarkan;
  - monitoring compliance with our IT policies;
  - memantau pematuhan dengan dasar IT kami;
  - ensuring network and information security, including preventing unauthorized access to our computer and electronic communications systems, and preventing malicious software distribution; or
  - memastikan keselamatan rangkaian dan maklumat, termasuk mencegah akses tanpa izin ke sistem komunikasi komputer dan elektronik kami dan mencegah pengedaran perisian hasad; atau
  - investigating theft and other illegal activities.
  - menyasiat kecurian dan aktiviti menyalahi undang-undang lain.
- **Compliance:**
- **Pematuhan:**

## EMPLOYMENT PRIVACY NOTICE NOTIS PRIVASI PEKERJAAN

- verifying your identity and nationality;
- mengesahkan identiti dan kewarganegaraan anda;
- ensuring that you are legally permitted to work;
- memastikan bahawa anda dibenarkan bekerja secara sah;
- conducting internal investigations; or
- menjalankan siasatan dalaman; atau
- monitoring diversity in accordance with the applicable law.
- memantau kepelbagaian mengikut undang-undang yang diguna pakai.

We may also process your Personal Information for other purposes with your consent or at your direction, which consent you may withdraw or modify at any time by contacting us. Such purposes shall be specified from time to time to you.

Kami juga mungkin memproses Maklumat Peribadi anda untuk tujuan lain dengan persetujuan anda atau atas arahan anda, yang mana persetujuan boleh tarik balik atau diubah suai oleh anda pada bila-bila masa dengan menghubungi kami. Tujuan sedemikian akan dinyatakan kepada anda dari semasa ke semasa.

### 6. DISCLOSURE OF YOUR PERSONAL INFORMATION 6. PENDEDAHAN MAKLUMAT PERIBADI ANDA

We may disclose any Personal Information as described in this Notice to our affiliates, subsidiaries, and other Micron companies, as well as to third party service providers we use to support our business.

Kami mungkin mendedahkan Maklumat Peribadi seperti yang dijelaskan dalam Notis ini kepada ahli sekutu, anak syarikat dan syarikat Micron kami yang lain serta kepada penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang kami gunakan untuk menyokong perniagaan kami.

Through our contracts with our service providers, we strive to require that they only use Personal Information we share with them for the purposes for which we disclose it to them. The categories of service providers that we share information with and the services they provide are:

Kami berusaha melalui kontrak kami dengan penyedia perkhidmatan kami untuk memastikan penyedia perkhidmatan tersebut hanya menggunakan Maklumat Peribadi yang dikongsi untuk tujuan yang dimaksudkan untuk pendedahan tersebut. Kategori penyedia perkhidmatan yang kami kongsi maklumat dan perkhidmatan yang mereka berikan adalah:

- **Payroll services and benefits providers** that assist us in calculating, handling, and disbursing your salary, benefits, and other compensation.
- **Penyedia perkhidmatan pembayaran gaji dan faedah** yang membantu kami dalam mengira, mengendalikan dan mengeluarkan gaji, manfaat dan pampasan lain anda.
- **Auditing and accounting firms** that assist us with the creation, maintenance and auditing of our financial and business records.

**EMPLOYMENT PRIVACY NOTICE**  
**NOTIS PRIVASI PEKERJAAN**

- **Syarikat audit dan perakaunan** yang membantu kami mewujudkan, menyelenggarakan dan mengaudit rekod kewangan dan perniagaan kami.
- **Professional services consultants** that perform analytics, assist with improving our business, provide legal services, or supply project-based resources and assistance.
- **Perunding perkhidmatan profesional** yang melakukan analisis, membantu meningkatkan perniagaan kami, menyediakan perkhidmatan undang-undang atau membekalkan sumber dan bantuan berdasarkan projek.
- **Vendors** that assist with employment processes, including verifying compliance with Micron policies and applicable laws.
- **Vendor** yang membantu proses pekerjaan, termasuk mengesahkan pematuhan terhadap dasar Micron dan undang-undang yang terpakai.
- **Data analytics services** that analyze data from internal and external sources and assist with various data trends to improve our Employee relationships and experiences.
- **Perkhidmatan analisis data** yang menganalisis data daripada sumber dalaman dan luaran menggunakan pelbagai arah aliran data untuk meningkatkan hubungan dan pengalaman Pekerja kami.
- **Security vendors** that assist with security incident verification and response, service notifications, and fraud prevention.
- **Vendor keselamatan** yang membantu dengan pengesahan dan respons insiden keselamatan, pemberitahuan perkhidmatan dan pencegahan penipuan.
- **IT vendors** that assist with system design, architecture and implementation, hosting and maintenance, data and software storage, and network operations.
- **Vendor IT** yang membantu dengan reka bentuk sistem, seni bina dan pelaksanaan, pengehosan dan penyelenggaraan, penyimpanan data dan perisian serta operasi rangkaian.

We may also disclose Personal Information to other external parties when required by law or to protect Micron or other persons, as described in this Notice.

Kami juga mungkin mendedahkan Maklumat Peribadi kepada pihak luar lain apabila diperlukan oleh undang-undang atau untuk melindungi Micron atau orang lain, seperti yang dijelaskan dalam Notis ini.

We may disclose Personal Information to a buyer or other successor in the event of a merger, divestiture, restructuring, reorganization, dissolution, sale or other transfer of some or all of Micron's assets, in which Personal Information held by Micron about our Employees is among the assets transferred.

Kami mungkin mendedahkan Maklumat Peribadi kepada pembeli atau pengganti lain sekiranya berlaku penggabungan, pelupusan, penstrukturan semula, penyusunan semula, pembubaran, penjualan atau pemindahan lain sebahagian atau semua aset Micron, di mana Maklumat Peribadi yang disimpan oleh Micron mengenai Pekerja kami adalah antara aset yang dipindahkan.

We may disclose Anonymous Information without restriction.

## EMPLOYMENT PRIVACY NOTICE NOTIS PRIVASI PEKERJAAN

Kami mungkin mendedahkan Maklumat Tanpa Nama tanpa sekatan.

### 7. DATA SECURITY

#### 7. KESELAMATAN DATA

We strive to implement measures to help safeguard your Personal Information from accidental loss and from unauthorized access, use, alteration, and disclosure. We use physical, administrative, and technical safeguards for these purposes. Depending on the data and system, these may include data minimization, aggregation, anonymization, cyber and logistics security, encryption, physical security, business continuity and disaster recovery, and risk management systems and processes.

Kami berusaha untuk melaksanakan beberapa langkah untuk membantu melindungi Maklumat Peribadi anda daripada kehilangan yang tidak disengajakan dan daripada akses, penggunaan, perubahan dan pendedahan yang tidak dibenarkan. Kami menggunakan perlindungan fizikal, pentadbiran dan teknikal untuk tujuan ini. Bergantung pada data dan sistem, ini mungkin termasuk pengurangan data, pengagregatan, anonimisasi, keselamatan siber dan logistik, penyulitan, keselamatan fizikal, kesinambungan perniagaan dan pemulihan bencana serta sistem dan proses pengurusan risiko.

### 8. DATA RETENTION AND MANAGING YOUR DATA

#### 8. PENYIMPANAN DATA DAN MENGURUSKAN DATA ANDA

Your Personal Information is retained for the duration of your time with Micron, plus a reasonable time period thereafter, and as necessary to fulfill our business purposes disclosed in this Notice. The specific duration of retention depends on many factors, including the record type, your relationship with Micron, and your location. Rights that may depend on the country or region in which you are resident are covered more extensively in our [Micron Privacy Notice](#) and under Sections 9 and 10 below. Our [Micron Privacy Notice](#) provides additional information on how we will respond to you if you exercise your data protection rights in accordance with applicable data protection laws.

Maklumat Peribadi anda disimpan sepanjang tempoh anda dengan Micron, termasuk jangka masa yang munasabah selepas itu, dan jika perlu untuk memenuhi matlamat perniagaan kami yang dinyatakan dalam Notis ini. Tempoh penyimpanan tertentu bergantung pada banyak faktor, termasuk jenis rekod, hubungan anda dengan Micron dan lokasi anda. Hak yang mungkin bergantung pada negara atau wilayah tempat mastautin anda dijelaskan dengan lebih lanjut dalam [Notis Privasi Micron](#) dan di bawah Seksyen 9 dan 10 di bawah. [Notis Privasi Micron](#) kami memberikan maklumat tambahan tentang cara kami akan memberikan respons kepada anda jika anda menggunakan hak perlindungan data anda selaras dengan undang-undang perlindungan data yang diguna pakai.

With respect to your activities with Micron, the Micron affiliate that employs or appoints you is considered to be the “controller” of your Personal Information under applicable data privacy

**EMPLOYMENT PRIVACY NOTICE**  
**NOTIS PRIVASI PEKERJAAN**

regulations. Other entities that we work with may also act as controllers of your Personal Information and you should contact them if you have any questions about how they use your Personal Information.

Berkenaan dengan aktiviti anda dengan Micron, ahli sekutu Micron menggunakan atau melantik anda dianggap sebagai "pengawal" Maklumat Peribadi anda di bawah peraturan privasi data diguna pakai untuk aktiviti Hubungan Dilindungi dengan Micron. Entiti lain yang kami bekerjasama boleh bertindak sebagai pengawal Maklumat Peribadi anda dan anda harus menghubungi mereka jika anda mempunyai pertanyaan tentang cara mereka menggunakan Maklumat Peribadi anda.

**9. INTERNATIONAL DATA TRANSFERS**

**9. PEMINDAHAN DATA ANTARABANGSA**

Where permitted by applicable law, we may process your Personal Information in any country or region where we have facilities, business operations, affiliates, subsidiaries, or in which we engage service providers, and we may transfer your Personal Information amongst these countries, regions, and entities. Some countries may have data protection laws that are different from the laws of your country. Micron has taken appropriate safeguards to require that your Personal Information remains protected in accordance with law when it is being transferred, processed and stored.

Di mana ia dibenarkan oleh undang-undang terpakai, kami mungkin memproses Maklumat Peribadi anda di dalam mana-mana negara atau wilayah di mana kami mempunyai kemudahan, operasi perniagaan, sekutu, anak syarikat atau di mana kami melibatkan penyedia perkhidmatan dan kami dapat mengalihkan Maklumat Peribadi anda antara negara-negara, wilayah-wilayah, dan entiti-entiti ini. Beberapa negara mungkin mempunyai undang-undang perlindungan data yang berbeza dengan undang-undang negara anda. Micron telah mengambil perlindungan yang sesuai bagi memastikan Maklumat Peribadi anda tetap dilindungi mengikut undang-undang ketika ia sedang dipindahkan, diproses dan disimpan.

Micron complies as a self-certifying entity with the EU-U.S. and Swiss-U.S. Privacy Shield Frameworks, as described in our [Privacy Shield Policy](#), where you can find additional information regarding how Micron complies with the Privacy Shield Frameworks. However, Micron no longer relies on those Frameworks for its own transfers of Personal Information from the European Union ("EU"), the European Economic Area ("EEA"), the United Kingdom ("UK"), or Switzerland ("CH") to jurisdictions that they have not recognized as having laws that provide an adequate level of protection. Instead, Micron relies on the legal mechanisms such as the European Commission approved Standard Contractual Clauses or your consent (in limited circumstances) for such transfers and for other transfers to jurisdictions that have not been recognized as having laws that provide adequate protection. For a copy of the Clauses, you may contact us as described below.

Micron mematuhi sebagai entiti pensijilan sendiri dengan EU-A.S. dan Swiss-A.S. Kerangka Perisai Privasi, seperti yang dinyatakan dalam [Dasar Perisai Privasi](#), di mana anda boleh mendapatkan

## **EMPLOYMENT PRIVACY NOTICE NOTIS PRIVASI PEKERJAAN**

maklumat tambahan tentang bagaimana Micron mematuhi Kerangka Perisai Privasi. Namun, Micron tidak lagi bergantung pada Rangka Kerja tersebut untuk pemindahan Maklumat Peribadi sendirinya dari Kesatuan Eropah ("EU"), Kawasan Ekonomi Eropah ("EEA"), United Kingdom ("UK") atau Switzerland ("CH") kepada bidang kuasa yang ia tidak mengiktiraf sebagai memiliki undang-undang yang memberikan tahap perlindungan yang memadai. Sebaliknya, Micron bergantung pada mekanisme undang-undang seperti Klausula Berkontrak Standard yang diluluskan oleh Suruhanjaya Eropah atau persetujuan anda (dalam keadaan terhad) untuk pemindahan dan untuk pemindahan lain ke bidang kuasa yang belum diiktiraf sebagai mempunyai undang-undang yang memberi perlindungan yang mencukupi. Untuk salinan Klausula, anda boleh menghubungi kami seperti yang dijelaskan di bawah.

If you have specific questions about employment practices in your jurisdiction, please refer to the contact information for your jurisdiction listed in Section 10.

Jika anda mempunyai pertanyaan khusus mengenai amalan pekerjaan di wilayah anda, sila rujuk maklumat hubungan untuk bidang kuasa anda yang disenaraikan dalam Bahagian 10.

### **10.ADDITIONAL COUNTRY OR REGIONAL PRIVACY CONSIDERATIONS 10. PERTIMBANGAN NEGARA ATAU PRIVASI DAERAH TAMBAHAN**

Because Micron has adopted a global view on privacy with the intent of providing strong privacy rights regardless of where an individual resides, our use of terminology in this Notice should be interpreted to reflect that intent. You can find additional privacy terms that may be relevant to your specific country or region below. In addition to contacting Micron, you may also contact your local Data Protection Authority with any questions or concerns regarding your privacy rights. Oleh kerana Micron telah menggunakan pandangan global mengenai privasi dengan tujuan memberikan hak privasi yang mantap tanpa mengira di mana seseorang bermastautin, penggunaan terminologi kami dalam Notis ini harus ditafsirkan untuk mencerminkan maksud tersebut. Anda boleh mendapatkan terma privasi tambahan yang mungkin berkaitan dengan negara atau wilayah tertentu di bawah. Selain menghubungi Micron, anda juga boleh menghubungi Pihak Berkuasa Perlindungan Data setempat dengan sebarang pertanyaan atau masalah mengenai hak privasi anda.

#### **MALAYSIA MALAYSIA**

##### **Controlling Law:**

##### **Undang-undang yang Mengawal:**

As a resident of Malaysia, during your interactions with us, the processing of your Personal Information will occur under the terms of this Notice, as modified or supplemented by those Malaysia privacy terms which are intended to capture applicable privacy rules, including those under the Malaysian Personal Data Protection Act 2010.

**EMPLOYMENT PRIVACY NOTICE**  
**NOTIS PRIVASI PEKERJAAN**

Sebagai penduduk Malaysia, semasa interaksi anda dengan kami, pemprosesan Maklumat Peribadi anda akan dilaksanakan di bawah terma Notis ini, seperti yang dipinda atau ditambah mengikut terma privasi Malaysia yang bertujuan untuk merangkumi peraturan privasi yang diguna pakai, termasuk yang di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010.

**Contacting Micron's People Organization in Malaysia:**

**Menghubungi Warga Kerja Micron di Malaysia:**

Micron, its affiliates, and its authorized third parties are the relevant data controllers of Personal Information. Third parties should be contacted directly. Micron and its affiliates may be contacted globally as indicated under "How to Contact Us" or at our regional Malaysian operations located at:

Micron, sekutunya dan pihak ketiga yang dibenarkan merupakan pengawal data yang relevan bagi Maklumat Peribadi. Pihak ketiga harus dihubungi secara langsung. Micron dan sekutunya boleh dihubungi di seluruh dunia seperti yang ditunjukkan di bawah "Cara Menghubungi Kami" atau di operasi Malaysia serantau kami yang terletak di:

Micron Memory Malaysia Sdn. Bhd. (MMP)

Micron Memory Malaysia Sdn. Bhd. (MMP)

Attention: Director, Malaysia Country Business People Partner

Untuk Perhatian: Pengarah, Malaysia Perniagaan Negara Rakan Niaga Warga Kerja

PMT 779, Lingkaran Cassia Selatan

PMT 779, Lingkaran Cassia Selatan

Taman Perindustrian Batu Kawan

Taman Perindustrian Batu Kawan

Seberang Perai Selatan

Seberang Perai Selatan

14110 Bandar Cassia, Pulau Pinang

14110 Bandar Cassia, Pulau Pinang

Phone: +60 6956 2629

Telefon: +60 6956 2629

Email: moorthy@micron.com

E-mel: moorthy@micron.com

Micron Semiconductor Malaysia Sdn. Bhd. (MMY)

Micron Semiconductor Malaysia Sdn. Bhd. Bhd. (MMY)

Attention: Director, Malaysia Country Business People Partner

Untuk Perhatian: Pengarah, Malaysia Perniagaan Negara Rakan Niaga Warga Kerja

Tanjung Agas Industrial Area

Kawasan Perindustrian Tanjung Agas

P.O. Box 62

P.O. Box 62

Muar Johor 84000, Malaysia

**EMPLOYMENT PRIVACY NOTICE**  
**NOTIS PRIVASI PEKERJAAN**

Muar Johor 84000, Malaysia  
Phone: +60 6956 2629  
Telefon: +60 6956 2629  
Email: moorthy@micron.com  
E-mel: moorthy@micron.com

**11. CHANGES TO OUR NOTICE.**

**11. PERUBAHAN KEPADA NOTIS KAMI.**

From time to time we may change this Notice, our [Micron Privacy Notice](#), or any of our supporting privacy procedures. We reserve the right to make such changes at any time and without prior notice to you.

Dari semasa ke semasa kami mungkin mengubah Notis ini, [Notis Privasi Micron](#), atau mana-mana prosedur privasi sokongan kami. Kami berhak untuk membuat perubahan tersebut pada bila-bila masa dan tanpa memberi pemberitahuan terlebih dahulu kepada anda.

If we make material changes to the way we process your Personal Information, we will provide you notice by making the most current version of this Notice, our Micron Privacy Notice, and/or any supporting privacy procedures (to the extent that such procedures are normally made publicly available by Micron) available to you, such as by posting on our websites, sending it via email or other company communication channels, or by publishing it in our Code of Business Conduct and Ethics or Global Team Member Handbook. Please review any changes we provide carefully.

Jika kami membuat perubahan penting kepada cara kami memproses Maklumat Peribadi anda, kami akan memberikan pemberitahuan kepada anda dengan menyediakan versi terbaru Notis ini, Notis Privasi Micron kami dan/atau sebarang prosedur privasi sokongan (setakat yang mana prosedur sedemikian biasanya disediakan secara umum oleh Micron) yang tersedia untuk anda, seperti menyiarkan pada laman web kami, menghantarnya melalui e-mel atau saluran komunikasi syarikat lain atau dengan menerbitkannya dalam Tatakelakuan dan Tataetika Perniagaan kami atau Buku Panduan Ahli Pasukan Global. Sila semak sebarang perubahan yang kami berikan dengan teliti.

All changes to this Notice are effective immediately upon publication and your continued activities with us shall constitute your consent to all changes.

Semua perubahan kepada Notis ini akan berkuat kuasa sebaik sahaja penerbitannya dan aktiviti anda yang berterusan dengan kami akan merupakan persetujuan anda untuk semua perubahan.

**12. HOW TO CONTACT US.**

**12. CARA UNTUK MENGHUBUNGI KAMI.**

Please contact us if you have questions or comments about this Notice, our [Micron Privacy Notice](#), or privacy questions generally. We welcome your feedback and comments.



**EMPLOYMENT PRIVACY NOTICE**  
**NOTIS PRIVASI PEKERJAAN**

Sila hubungi kami jika anda mempunyai pertanyaan atau komen mengenai Notis ini, [Notis Privasi Micron](#), atau pertanyaan privasi secara umum. Kami mengalu-alukan maklum balas dan komen anda.

**A. Via Email.** Contacting us by email at [privacy@micron.com](mailto:privacy@micron.com).

**A. Melalui E-mel.** Menghubungi kami melalui e-mel di [privacy@micron.com](mailto:privacy@micron.com).

**B. Via Telephone.** You may also contact us by telephone at +1-800-336-8915.

**B. Melalui Telefon.** Anda juga boleh menghubungi kami melalui telefon di +1-800-336-8915.

**C. Via Direct Mail.** You may contact us by direct mail at:

**C. Melalui Mel Terus.** Anda boleh menghubungi kami melalui mel terus di:

Micron Technology, Inc.  
Micron Technology, Inc.  
Attn: Legal-Privacy  
Untuk Perhatian: Undang-undang-Privasi  
8000 South Federal Way  
8000 South Federal Way  
Post Office Box 6  
Peti Surat 6  
Boise, Idaho 83707-0006, USA  
Boise, Idaho 83707-0006, AS

**D. To Micron's People Organization:** You may also reach out to your local People organization contact, as identified in Section 10 above, for more information on our general employment policies and practices for your jurisdiction.

**D. Kepada Organisasi Warga Kerja Micron:** Anda juga boleh menghubungi kontak Organisasi Warga Kerja setempat anda, seperti yang dikenal pasti dalam Bahagian 10 di atas, untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut tentang dasar dan amalan pekerjaan am kita untuk wilayah anda.

Please note, if you make a request that involves Personal Information, you will be required to provide certain authentication and verification information in order for us to fully respond to your request.

Sila maklum, jika anda membuat permintaan yang melibatkan Maklumat Peribadi, anda akan diminta untuk memberikan maklumat pembuktian dan pengesahan tertentu agar kami dapat menjawab permintaan anda sepenuhnya.